


Jualan kenderaan meningkat

B/14 23/3/13 MS 5.

» Prestasi pasaran positif kesan promosi agresif



FAKTA NOMBOR

55,066 unit

Jualan kenderaan penumpang dan komersial pada Januari

Jualan kenderaan penumpang dan komersial mencatatkan peningkatan jualan tahun lalu.

[GAMBAR HIASAN]

Jumlah jualan kenderaan penumpang dan komersial pada Januari meningkat 34.5 peratus kepada 55,066 unit berbanding tempoh sama tahun sebelumnya didorong sentimen pengguna yang kekal positif.

Persatuan Automotif Malaysia (MAA), berkata pengeluaran kenderaan tahun ke tahun bagi Januari 2013 meningkat sembilan peratus kepada 56,232 unit daripada 51,394 unit.

Segmen kenderaan penumpang, katanya, mencatatkan peningkatan jualan kepada 48,720 unit daripada 36,864 unit tahun

lalu manakala kenderaan komersial mencatatkan peningkatan jualan kepada 6,346 unit daripada 4,084 unit tahun lalu.

“Pengeluaran bagi Januari juga bertambah kepada 56,232 unit daripada 51,394 unit dalam bulan yang sama tahun lalu dengan 50,567 unit kenderaan penumpang dikeluarkan, berbanding 46,265 unit dalam bulan yang sama tahun sebelumnya,” kata MAA dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Persatuan itu berkata, sejumlah 5,665 unit kenderaan komersial juga dikeluarkan dalam bulan perta-

ma tahun ini, tinggi sedikit berbanding 5,129 unit pada Januari 2012.

MAA berkata, prestasi pasaran dalam Januari menerima kesan positif daripada kempen-kempen promosi yang agresif dan berterusan oleh syarikat kereta serta kesan limpahan dari penyerahan pada Disember.

Jumlah jualan bagi Februari dijangka lebih rendah daripada Januari berikutan bulan bekerja yang singkat ekoran cuti perayaan Tahun Baru Cina dan penutupan perniagaan, katanya.

BERNAMA